

Langka

Ia merupakan salah satu cabaran pendidikan tinggi dalam populasi.

Oleh JUSTIN POPE

KELUASAN Universiti Arizona State (UAS) sangat mengagumkan. Kehidupan di kampus universiti ini sentiasa sibuk dan akan terus sibuk dengan caranya yang tersendiri.

Sekiranya kolej-kolej di universiti itu dianggap seperti sebuah negara maka kebanyakannya akan menyerupai negara-negara maju di barat. Ini kerana kolej-kolej di universiti itu sentiasa berada dalam keadaan yang stabil dan berusaha ke arah peningkatan.

Begitulah keadaannya di UAS yang 'menyerupai' negara China apabila kampus-kampusnya bertukar menjadi sebuah tapak pembinaan gergasi.

Pusat-pusat pengajian dan program baru wujud hampir setiap minggu. Ratusan tenaga kerja fakulti diambil untuk bertugas dan ribuan bilik asrama dibina.

Terdapat 280 jurusan major peringkat ijazah, tiga buah pusat pengajian perniagaan yang berbeza, 32 buah pilihan tempat makan dalam kampus dan 601 kelab pelajar.

Universiti ini seumpama sebuah bandar. Dengan 51,000 pelajar di kampus induk dan tambahan lebih 10,000 lagi di tiga cawangan sekitar Phoenix, ia telah pun menjadi salah sebuah universiti tradisional terbesar di Amerika Syarikat (AS).

Berbeza daripada pesaing-pesaing lain untuk meraih gelaran tersebut, UAS merancang untuk terus berkembang dan berusaha mengumpul kira-kira 90,000 pelajar pada dekad akan datang. Ini seterusnya menjadikannya sebagai universiti terbesar di AS.

Presiden UAS, Michael Crow, memanggil pusat pengajiannya itu sebagai 'Universiti Amerika Terbaru' dan melihatnya sebagai universiti masa depan.

Ia adalah model yang kini berdepan dengan cabaran yang mungkin dilihat sinis oleh sesetengah pihak. Cabaran itu ialah untuk menjadi sebuah universiti yang hebat dan besar tetapi memastikan pelajar-jarjanya mempunyai pelbagai kebolehan.

Menurut Crow, Arizona memerlukan UAS untuk menjadi universiti yang hebat dengan penyelidik-penyelidik terbaik muncul bagi menyelesaikan masalah-masalah tempatan yang penting seperti pengurusan sumber air.

Tetapi pada masa yang sama, ia juga perlu memastikan lebih ramai pelajar menerima ijazah sarjana muda yang tempoh pengajiannya memakan masa selama empat tahun.

UAS perlu mampu mencapai cabaran itu kerana populasi negeri tersebut semakin bertambah dengan setengah dozen sekolah tinggi dibuka pada setiap tahun. Keperluan untuk tujuan itu semakin mendesak apabila tanpa disedari, hanya terdapat tiga universiti awam yang wujud di Arizona untuk memenuhi permintaan daripada penduduk yang bertambah.

"Ini adalah sebuah universiti barisan depan yang berhadapan dengan 300 juta rakyat Amerika yang bakal melonjak kepada 450 juta," kata Crow.

Institusi-institusi pengajian tinggi di Mexico, Eropah dan Asia mampu menempatkan 100,000 atau lebih pelajar, tetapi



UNIVERSITI Arizona State bakal mengubah dunia pendidikan tinggi di AS.





PRESIDEN UAS, Michael Crow bergambar di hadapan Pusat Fulton.



KEMUDAHAN rekreasi dan sukan disediakan kepada warga universiti bagi memenuhi keperluan pelajar.

h berani **Universiti Ariz**

aran asas bagi kolej-kolej pada abad ke-21 ini. Cabaran itu ialah bagaimana mengekalkan dan n...
lasi yang kian meningkat. Universiti Arizona State mengambil langkah berani bagi menyahut



SUNGGUHPUN giat berubah wajah, Universiti Arizona State tidak akan mengabaikan sejarah silam dan kualiti pendidikan di kampus itu.

universiti tradisional Amerika hanya men-
cecah sekitar 50,000 orang, kecuali yang
mengamalkan sistem multi-kampus dan
rangkaiannya demi keuntungan seperti Uni-
versiti Phoenix.

Kebanyakannya mengekalkan sebuah
kampus induk untuk pelajar terbaik dan
menyalurkan pembangunan di tempat lain.

Crow tidak percaya kualiti harus di-
korbankan apabila sebuah universiti mem-
bah saiznya.

"Dalam pendidikan tinggi, inilah yang
diperlukan iaitu membentuk sebuah pusat
pengajian yang mengagumkan untuk pe-
lajar terbaik dan bakinya kampus-kampus
yang tidak khusus.

"Bagi kami di UAS, soalnya ialah 'Ke-
napa?'," kata Crow.

Disebabkan itu, UAS muncul sebuah
institusi yang mempunyai kepelbagaian
mengagumkan. Terdapat peningkatan fak-
ulti-fakulti yang melakukan penyelidikan
terkini seiring dengan instruktur dalam
program-program ke arah vokasional se-
perti pengurusan padang golf.

Terdapat juga sebuah kolej kepujian elit
untuk pelajar-pelajar paling cemerlang
tetapi ia terletak dalam universiti yang lebih
besar yang menerima 92 peratus pemohon.


"Sudah jelas bahawa UAS akan terus
merosot dan bukan lebih baik, selagi ins-
titusi itu meneruskan pengambilan pelajar
baru tanpa had," kata Geoffrey Clark, se-
orang profesor antropologi dan kakitangan
veteran fakulti yang berpengalaman se-
lama 35 tahun.

Beliau yang tidak bersetuju dengan idea
UAS, berkata, universiti itu mempunyai
lebih banyak pelajar dan telah menjual 'ny-
anyan' kepada penaja korporat.

"UAS mampu menjadi sebuah universiti
penyelidikan yang dihormati seperti Uni-
versiti California, Los Angeles. Tetapi
Crow telah 'mengubahnya' untuk menjadi
sebuah kolej tempatan," kata Clark.

Tambah beliau: "Pada pendapat saya,
universiti Amerika terbaru ialah satu pe-
nipuan. Anda tidak boleh menjadi besar
dan bagus pada masa yang sama."

"Malah, para skeptik berkata, sekiranya



**UAS merancang untuk terus berkembang dan berusaha mengumpul kira-kira 90,000
pelajar pada dekad akan datang.**

seseorang mampu melaksanakan peran-
cangan itu, Crow adalah jawapannya.

Selepas menyandang jawatan pentadbir
kanan di Universiti Iowa State dan Uni-
versiti Columbia, Crow datang ke UAS
pada 2002 dan sejak itu, beliau sibuk untuk
membina infrastruktur, menambah kakit-
angan, dana dan melobi.

Terdapat sebuah kampus besar baru di
bandar Phoenix. Dalam kalendar akademik
pada tahun ini sahaja, sebanyak lapan buah
pusat pengajian berita dibuka di universiti
itu.

Wujud sebuah Institut Bio-Rekaan yang
mempunyai kira-kira 500 kakitangan yang
diambil bekerja dalam tempoh hanya be-
berapa tahun. Ini satu kelajuan yang tidak
mampu dilakukan oleh kebanyakan uni-
versiti.

Crow telah menaikkan profil UAS de-
ngan menerima kehadiran penyumbang,

pengundi, badan perundangan dan pe-
mangku raja yang telah menyumbangkan
wang untuk membangunkannya.

Selain itu, beliau juga membawa masuk
bakat-bakat terbaik seperti seorang dekan
pusat pengajian perniagaan daripada Se-
kolah Perniagaan Wharton dan sebuah
pengumpul dana dari Harvard untuk tu-
juan berkenaan.

Sementara itu, Dekan Kolej Seni, Wel-
lington Reiter, berkata, beliau tertarik de-
ngan peluang membuat perubahan skala
yang tidak mampu dilakukan dalam sebuah
tempat seperti Institut Teknologi Mas-
sachusetts (MIT) di mana beliau dahulunya
bertugas sebagai seorang profesor.

UAS juga mempunyai rekod baik dalam
menarik pelajar-pelajar terbaik. Keputu-
san ujian kian meningkat.

Daripada anugerah kewangan UAS yang
diberi sebagai bantuan pengajian, hampir 80

zona State

KOSMO 10/4/07

MS 32-33

meningkatkan kualiti cabaran itu.



⚡ Kira-kira dua per tiga bantuan kewangan UAS diberikan kepada pelajar yang memerlukan. Bilangan pelajar daripada keluarga-keluarga termiskin telah meningkat sehingga 500 peratus sejak tahun 2002. Sementara pelajar berkulit hitam, natif Amerika dan hispanik juga bertambah dua kali ganda sejak dekad lalu

peratus penerima dipilih untuk menikmatinya dan pemilihan itu dibuat berdasarkan merit dan kebanyakannya diberi kepada pelajar luar negeri yang cemerlang.

"Selepas mengunjungi MIT dan Harvard, saya berasa seperti sebuah nombor. Tetapi saya temui bahawa saya boleh datang ke sini tanpa membayar apa-apa. Sebaliknya, dibayar untuk belajar," kata Cary Anderson, pelajar tahun kedua dari Apple Valley, Minnesota.

Universiti-universiti di AS sentiasa bersaing dan bercita-cita tinggi sehingga sanggup dikritik seperti UAS yang didakwa membelanjakan terlalu banyak wang untuk menarik pelajar pintar demi meningkatkan kedudukan akademik.

Kedudukan jelas penting untuk UAS. Kontrak Crow turut termasuk bayaran insentif sebanyak RM34,576 untuk meningkatkan kedudukan universiti itu dalam

majalah U.S. News & World Report yang menilai institusi-institusi pengajian di AS.

Tetapi Crow menegaskan, pengambilan pelajar cemerlang meningkatkan atmosfera intelektual di kampus dan UAS masih teguh terhadap komitmennya untuk meluaskan lagi pagar di sekeliling universiti ini.

Kira-kira dua per tiga bantuan kewangan UAS diberikan kepada pelajar yang memerlukan. Bilangan pelajar daripada keluarga-keluarga termiskin telah meningkat sehingga 500 peratus sejak tahun 2002. Sementara pelajar berkulit hitam, natif Amerika dan hispanik juga bertambah dua kali ganda sejak dekad lalu.

Sungguhpun masih menjadi masalah, kadar graduan UAS juga kian meningkat. Hanya 56 peratus pelajar tahun pertama yang memasuki universiti itu pada tahun 2000 mempunyai ijazah menjelang tahun 2006.

Menurutnya, nisbah pelajar dengan tenaga fakulti di UAS ialah 22:1 dengan hanya 63 peratus dilantik atau akan dilantik. Selebihnya adalah pensyarah, instruktur dan pekerja tambahan.

Pelajar-pelajar cemerlang menerima layanan lebih baik dan memuji pengalaman belajar di UAS. Namun begitu, segelintir pelajar bimbang melihat skala pertumbuhan yang berlaku.

"Menambah 30,000 pelajar adalah terlalu ramai. Saya gusar wang yang ada akan semakin sedikit dan jumlah pelajar dalam satu kelas akan menjadi lebih besar," kata pelajar *senior*, Taylor Jackson.

Crow berkata, UAS merancang untuk menambah 6,000 katil asrama dalam masa tiga tahun manakala dewan penginapan yang baru dibina dan masih dalam pembinaan bernilai kira-kira RM3.5 bilion.

Pelajar yang menetap dalam kampus pada kebiasaannya lebih berjaya dan ini mampu mempertingkatkan kadar pelajar lulus dengan cemerlang.

Crow berkata, matlamat beliau ialah membina sebuah universiti yang hebat di mana kecemerlangan dikongsi dan memberi inspirasi kepada semua pelajar lain.

Beliau juga menegaskan bahawa UAS kini ke arah mencapai matlamat itu. - AP